



**MAJLIS PERASMIAN**

**HOSPITAL**  
**AL-SULTAN ABDULLAH**  
Universiti Teknologi MARA

oleh

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA**  
**SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**  
**AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN**  
**AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI ALMARHUM**  
**SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH**

D.K.P., D.K.M., D.K., D.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., D.K.(TERENGGANU), D.K.(JOHOR),  
S.P.M.J., D.K.M.B.(BRUNEI), D.K.(KEDAH), D.K.(PERLIS), D.K.(PERAK), D.K.(SELANGOR)

**23 Julai 2022 | 23 Zulhijah 1443H**

MAJLIS PERASMIAN

HOSPITAL  
AL-SULTAN ABDULLAH  
Universiti Teknologi MARA

oleh

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG  
AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN  
AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI ALMARHUM  
SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH**

D.K.P., D.K.M., D.K., D.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., D.K.(TERENGGANU), D.K.(JOHOR),  
S.P.M.J., D.K.M.B.(BRUNEI), D.K.(KEDAH), D.K.(PERLIS), D.K.(PERAK), D.K.(SELANGOR)

23 Julai 2022 | 23 Zulhijah 1443H





© Universiti Teknologi MARA, 2022

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara – elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Jabatan Komunikasi, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

e-mel: [bkk@uitm.edu.my](mailto:bkk@uitm.edu.my)

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

ISBN 978-967-363-827-7



Diterbitkan oleh:  
Penerbit UiTM  
Kompleks Usahawan  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam, Selangor





# Kandungan

- 17 Prakata
- 26 Susunan Acara
- 31 Pembangunan Hospital Al-Sultan Abdullah
- 39 Pengoperasian Hospital Al-Sultan Abdullah





DAULAT  
TUANKU



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG  
AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH  
IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH**

D.K.P., D.K.M., D.K., D.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., D.K.(TERENGGANU), D.K.(JOHOR),  
S.P.M.J., D.K.M.B.(BRUNEI), D.K.(KEDAH), D.K.(PERLIS), D.K(PERAK), D.K(SELANGOR)





**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG  
TUNKU HAJAH AZIZAH AMINAH MAIMUNAH ISKANDARIAH  
BINTI ALMARHUM ALMUTAWAKKIL ALALLAH SULTAN ISKANDAR AL-HAJ**

D.K., D.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., D.K.(JOHOR), S.P.M.J., P.K.C., P.K.T., P.J.K., D.K.(BRUNEI)



**DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR  
SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ  
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ**

D.K., D.M.N., D.K.(TERENGGANU), D.K.(KELANTAN), D.K.(PERAK), D.K.(PERLIS),  
D.K.(NEGERI SEMBILAN), D.K.(KEDAH), D.K.(JOHOR), D.K.(PAHANG), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.





**DULI YANG MAHA MULIA  
TENGKU PERMAISURI SELANGOR  
TENGKU PERMAISURI NORASHIKIN**

D.K., S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.K.



# Prakata

## Dato' Menteri Besar Selangor



### YAB Dato' Seri Amirudin Shari

Dato' Menteri Besar Selangor

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM). Berkat usaha gigih mereka selama ini, universiti tersohor tanahair ini kini dapat berbangga mempunyai sebuah hospital yang dinamakan Hospital AI-Sultan Abdullah UiTM.

Saya pastinya berbesar hati dengan pemilihan lokasi ini yang secara strategik terletak di daerah Kuala Selangor dan bakal memberi manfaat kepada komuniti setempat serta sekitarnya, sekaligus merencanakan pembangunan sedia ada di utara Selangor.

Selain aspek ekonomi, Kerajaan Negeri sentiasa memberikan penekanan kepada aspek Kesihatan Awam. Sebanyak RM65 juta diperuntukkan untuk tujuan ini pada tahun 2022 berbanding RM8.5 juta untuk tujuan yang sama pada tahun 2021. Komitmen ini diterjemah dalam bentuk penubuhan Majlis Kesihatan Awam Negeri Selangor (SelPHAC); yang pertama di Malaysia. Program sedia ada ditambah baik seperti Iltizam Selangor Penyayang, selain Program Saringan Kesihatan Percuma (Selangor SARING) turut dianjurkan seawal tahun ini.

Iltizam Kerajaan Negeri berkenaan Kesihatan Awam turut terserlah dengan mempersiapkan satu pasukan respon pantas (*rapid response team*) terdiri daripada komuniti setempat yang dikenali sebagai Sukarelawan Kesihatan Komuniti Selangor (SUKA). Sukarelawan ini dapat membantu UiTM melaksanakan aktiviti-aktiviti kesihatan awam yang lebih berkesan. Semoga dengan kerjasama antara pihak UiTM dan Kerajaan Negeri bakal memberikan manfaat yang berterusan buat warga Selangor lebih-lebih lagi komuniti setempat.

Sempena Majlis Perasmian Hospital AI-Sultan Abdullah UiTM ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua yang telah menjayakan majlis ini. Akhir kata, semoga Hospital AI-Sultan Abdullah UiTM menjadi kebanggaan warga UiTM dan seluruh rakyat Malaysia khususnya rakyat di negeri Selangor tercinta.





# Prakata

## Menteri Pengajian Tinggi

Kementerian Pengajian Tinggi



### YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad

Menteri Pengajian Tinggi  
Kementerian Pengajian Tinggi

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya Majlis Perasmian Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM dapat dianjurkan seperti dirancang.

Sekalung tahniah diucapkan kepada seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) terutamanya pihak pengurusan Hospital UiTM dan semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan hari yang penuh bersejarah ini.

UiTM merupakan sebuah institusi pendidikan tinggi yang berdaya saing dan mementingkan kecemerlangan akademik, inovasi, sosial dan pengiktirafan antarabangsa. Saya merasa bangga kerana dengan kewujudan Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM telah membuktikan bahawa institusi anak bangsa keramat ini dapat bersaing dengan institusi-institusi bertaraf global yang lain bagi melahirkan ilmuwan dalam bidang perubatan.

Dengan adanya Hospital Al-Sultan Abdullah ini, ia juga mampu memberi sumbangan terhadap pembangunan sosioekonomi rakyat Malaysia dengan mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan dan seterusnya membantu rakyat menjana pendapatan.

Sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua yang telah bertungkus-lumus dalam menjayakan majlis ini.

Kami di peringkat kementerian akan sentiasa memberi sokongan agar UiTM terus cemerlang demi pembangunan anak bangsa.

Akhir kata, semoga Hospital Al-Sultan Abdullah menjadi kebanggaan bukan sahaja warga UiTM malah seluruh rakyat Malaysia. Insya-Allah.





# Prakata

## Menteri Kesihatan

Kementerian Kesihatan Malaysia



### **YB Khairy Jamaluddin**

Menteri Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Keluarga Malaysia Sihat Sejahtera

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya Majlis Perasmian Hospital Al-Sultan Abdullah Universiti Teknologi Malaysia (UiTM) ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada seluruh warga UiTM, pengurusan Hospital UiTM serta semua pihak yang terlibat kerana telah berjaya melakar satu lagi lembaran sejarah baharu untuk dimanfaatkan oleh segenap lapisan masyarakat.

Hospital merupakan inisiatif dan tanggungjawab kerajaan memandangkan kemudahan infrastruktur kesihatan adalah amat penting kepada rakyat. Pelbagai usaha dilakukan bagi menambah baik kemudahan kesihatan awam terutama ketika negara dalam keadaan bersiap siaga menghadapi fasa endemik kelak, selepas berdepan dengan wabak COVID-19 yang melanda dunia selama lebih dua tahun.

Kewujudan sebuah lagi hospital awam yang lengkap dengan kemudahan rawatan terkini dan infrastuktur berteknologi tinggi memainkan peranan penting dalam membuktikan prestasi cemerlang serta potensi besar UiTM bagi memastikan kelangsungan sektor penjagaan kesihatan di negara ini. Kerajaan amat peka dan sentiasa menyokong penuh perkhidmatan yang akan membolehkan peningkatan kesihatan, kesejahteraan dan kualiti hidup masyarakat lebih terjamin.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua ahli Jawatankuasa Majlis Perasmian Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM atas usaha dan kegigihan dalam menjayakan majlis ini. Kepada para penyumbang yang membantu melancarkan majlis ini, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan semoga usaha ke arah meningkatkan kualiti hidup masyarakat menjadi lebih sihat dan selamat akan berterusan pada masa hadapan.





# Prakata

## Naib Canselor

Universiti Teknologi MARA



### **Prof. Datuk Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor**

Naib Canselor  
Universiti Teknologi MARA

Syukur ke hadrat Allah SWT atas rahmat dan kurnia-Nya, perasmian Hospital Al-Sultan Abdullah yang dahulunya dikenali Hospital UiTM (HUiTM) dapat disempurnakan dengan jayanya.

UiTM amat berbesar hati dengan pengisytiharan nama hospital sebagai Hospital Al-Sultan Abdullah, oleh perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang sentiasa memberi sokongan terhadap UiTM dalam setiap agenda pembangunan negara melalui pendidikan tinggi bertaraf global.

Sebagai sebuah universiti terbesar dalam negara, UiTM sentiasa komited ke arah melahirkan graduan profesional bumiputera dalam pelbagai bidang dan disiplin termasuklah perubatan. Selain menjadi satu lagi mercu kebanggaan kepada universiti ini, perasmian Hospital Al-Sultan Abdullah turut memberi impak positif bukan sahaja menerusi kepakaran dan fasiliti sedia ada, malahan dapat memberi manfaat kepada komuniti secara meluas terutama dari aspek perkhidmatan dan penjagaan kesihatan.

Dengan pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan, kepakaran yang berpengalaman dan fasiliti berteknologi tinggi, hospital ini berupaya menyumbang ke arah kecemerlangan pembangunan pendidikan perubatan dan kesihatan. Pada masa yang sama, peranan hospital ini akan sentiasa diperkukuh menerusi penawaran perkhidmatan perubatan dan penjagaan kesihatan kepada masyarakat yang lebih efektif serta efisien.

UiTM akan sentiasa meningkatkan kualiti dan fungsi pengoperasian hospital ini untuk merealisasikan aspirasi menjadi sebuah Hospital Premier.





# Prakata Pengarah

Hospital Al-Sultan Abdullah



## **Prof. Dr. Sazzli Shahlan Kasim**

Pengarah  
Hospital Al-Sultan Abdullah

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Syukur ke hadrat Allah S.W.T atas rahmat dan kurnia-Nya Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM kini telah mula menyediakan perkhidmatan perubatan dan penjagaan kesihatan kepada warga. Pewujudan Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM sebagai hospital pengajar universiti ini membuktikan bahawa UiTM sebagai universiti terbesar dalam negara bukan sahaja menyediakan pendidikan tinggi bertaraf dunia kepada anak bangsa malah mampu menawarkan perkhidmatan perubatan dan penjagaan kesihatan bertaraf global kepada masyarakat awam.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang sentiasa memberi sokongan dan komited untuk memastikan UiTM terus mengungguli agenda pembangunan negara melalui pendidikan tinggi bertaraf global. Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM merupakan mercu tanda baharu universiti dan pencapaian hari ini adalah hasil daripada jasa dan inisiatif strategik para barisan kepimpinan UiTM yang melihat potensi dan meyakini UiTM mampu meningkatkan kompetensi global universiti diperingkat antarabangsa.

Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM akan terus memberi fokus dalam bidang inovasi dan penyelidikan kesihatan serta perubatan bagi memanfaatkan kepakaran dan fasiliti yang ada seterusnya diterjemah sebaik mungkin demi memastikan masyarakat menerima perkhidmatan yang terbaik dan menyeluruh. Ini adalah sejajar dengan aspirasi kami menjadi sebuah *Premier Teaching Hospital* dan selaras dengan halatuju strategik Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) tahun 2022 iaitu 'Memacu Kesejahteraan Komuniti'.

Syabas dan terima kasih buat semua warga kerja yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam merealisasikan kejayaan ini. Semoga Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM akan terus mengecapi kecemerlangan dan menjadi pemangkin kepada agenda pembangunan negara khususnya dalam bidang perubatan.

Terima kasih.







## SUSUNAN ACARA



## Susunan Acara

MAJLIS PERASMIAN HOSPITAL AL-SULTAN ABDULLAH

OLEH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

23 Julai 2022 | 23 Zulhijah 1443H

- 9.45 pagi** - Ketibaan Tetamu Jemputan
- 10.00 pagi** - Ketibaan Dif-Dif Jemputan
- 10.15 pagi** - Ketibaan Pro-Canselor
- 10.20 pagi** - Ketibaan YB Menteri Kesihatan
- 10.25 pagi** - Ketibaan YB Menteri Pengajian Tinggi
- 10.30 pagi** - Ketibaan YB Menteri Kewangan
- 10.35 pagi** - Ketibaan YAB Dato' Menteri Besar Selangor
- 10.45 pagi** - Keberangkatan Tiba Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor
- 11.00 pagi** - Keberangkatan Tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong
  - Sesi Bergambar
  - Lagu Negaraku dan Lagu Duli Yang Maha Mulia oleh Pancaragam ATM
  - Bacaan Doa
  - Sembah Aluan oleh Naib Canselor UiTM
  - Sembah Ucapan oleh YB Menteri Pengajian Tinggi
  - Persembahan Video
  - Lafaz Perasmian dan Menandatangani Plak
  - Persembahan Alunan Nadi Kehidupan
  - Persembahan UiTM Chamber Choir
  - Lagu Negaraku dan Lagu Duli Yang Maha Mulia oleh Pancaragam ATM
  - Lawatan Tapak Pameran Hospital Al-Sultan Abdullah
  - Lawatan ke Perpustakaan dan *Clinical Simulation Center (CSC)*
- 12.45 tengah hari** - Majlis Santapan di Bilik Sidang 2, Aras 2
  - Keberangkatan Pulang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong
  - Keberangkatan Pulang Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor
  - Majlis bersurai








Hospital  
Al-Sultan Abdullah

UiTM KAMPUS PUNCAK ALAM



Hospital Al-Sultan Abdullah, Bandar Puncak Alam, Selangor





Hospital Al-Sultan Abdullah, Bandar Puncak Alam, Selangor



PEMBANGUNAN  
**HOSPITAL  
AL-SULTAN  
ABDULLAH**





## LATAR BELAKANG PROJEK PEMBANGUNAN HOSPITAL AL-SULTAN ABDULLAH

Pembangunan Hospital UiTM tercetus pada tahun 1995 apabila Menteri Pelajaran Malaysia mencadangkan penubuhan fakulti perubatan sekiranya ITM mahu dinaik taraf kepada universiti. Penubuhan fakulti perubatan ini penting untuk meningkatkan jumlah doktor-doktor bumiputera di Malaysia.

Pada tahun 2002, selepas menjadi sebuah universiti dikenali dengan nama Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kementerian Pendidikan Malaysia telah meluluskan penubuhan Fakulti Perubatan. Namun hanya pada 2003 Fakulti Perubatan mula beroperasi di Kampus UiTM Jalan Othman, Petaling Jaya dengan pengambilan pelajar seramai 20 orang.

Dalam usaha untuk memberi latihan klinikal kepada pelajar-pelajar Fakulti Perubatan, UiTM telah menandatangani satu Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi menempatkan pelajar-pelajar perubatan ini di hospital-hospital dan poliklinik-poliklinik kerajaan.






Dua buah hospital telah dicadangkan untuk menempatkan pelajar-pelajar perubatan ini menjalani latihan mereka iaitu di Hospital Selayang dan Hospital Sungai Buloh. Pada 17 Julai 2006 Kementerian Pengajian Tinggi telah mengarahkan UiTM supaya pembangunan Fakulti Perubatan dan Fakulti Pergigian dikekalkan di Sungai Buloh dan dilaksanakan segera.

Sehubungan itu, projek pembinaan Fakulti Perubatan dan Fakulti Pergigian telah berjalan sebagaimana yang dijadualkan di kawasan berhampiran Hospital Sungai Buloh. Bagi menampung jumlah pelajar perubatan yang kian bertambah, UiTM telah memohon kepada kerajaan untuk membina sebuah hospital pengajar tersendiri dan tidak perlu bergantung kepada Hospital Sungai Buloh dan Hospital Selayang.

Sehubungan itu, pada tahun 2008, Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) bersetuju secara prinsip untuk membina sebuah Hospital Pengajar di UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam.





1. 2008

Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) bersetuju secara prinsip dengan pembangunan Hospital Pengajar UITM di Kampus Puncak Alam dengan TRIPLE Medical Sdn. Bhd.



3. 18/02/2016

Proses Menandatangani Perjanjian Konsesi melibatkan KPT, UITM & TRIPLE



5. 11/04/2017

Proses penyerahan tapak & proses pembinaan bermula



Fasa pembinaan 20%



7. 10/04/2018

UITM mengemukakan maklum balas TSA MeQ & ICT



2. 2012-2014

Penyediaan dokumen perjanjian Hospital Pengajar UITM antara Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Kerja Raya (JKR), UITM & TRIPLE



Proses pematuan penyediaan kewangan SUKUK oleh TRIPLE & Kementerian Kewangan Malaysia

4. 19/02/2016 - 10/04/2017

Kos Pembinaan RM599 juta

Lokasi Projek Lot Pt 1567, Mukim Jeram, Daerah Kuala Selangor

TRIPLE perlu mengemukakan Technical Specification Adherence (TSA) Peralatan Perubatan (MEQ) & ICT untuk semakan UITM (1 tahun daripada tarikh CCD)



6. 10/01/2018

16. 23 Julai 2022

Hospital UITM dirasmikan dan ditukar nama ke Hospital Al-Sultan Abdullah. Reka bentuk binaan bangunan ini berinspirasi elemen molekul air zam-zam (khasiat dan penawar pelbagai penyakit).



14. 05 April 2021

Hospital UITM memulakan operasi secara berperingkat dengan pembukaan perkhidmatan di klinik-klinik pakar.

12. November 2020

Siap pembinaan 100%



10. Ogos-Oktober 2020

Proses Testing & Commissioning (T&C) Peralatan Perubatan & ICT



9. Oktober 2019

Fasa pembinaan 50%



8. Mei 2019

Fasa pembinaan 50%



Hospital UITM secara berperingkat membuka wad dan menerima pesakit non-COVID iaitu pesakit dalam yang dipindahkan dari Pusat Pakar Perubatan UITM Sungai Buloh.



15. 24 Mei 2021



13. 23 Mac 2021

Majlis Penyerahan Hospital UITM disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi.

TRIPLE akan menyerahkan Certificate of Availability (CoAv)

11. November 2020





PENGOPERASIAN  
**HOSPITAL  
AL-SULTAN  
ABDULLAH**





## Lokasi Hospital


Lokasi dan kedudukan Hospital Al-Sultan Abdullah di Puncak Alam memberi manfaat kepada warga Selangor khususnya di Kuala Selangor. Selain itu, hospital ini turut menawarkan kepakaran kepada hospital daerah dan komuniti setempat.

**1.5 juta** penduduk  
Selangor dan **Perak Selatan**

Sumber Foto : Google Earth







Sebagai sebuah universiti awam terbesar dalam negara, UiTM bukan sahaja menyediakan pendidikan tinggi bertaraf dunia kepada anak bangsa malah menawarkan perkhidmatan rawatan dan kesihatan kepada masyarakat melalui pewujudan Hospital Al-Sultan Abdullah. Di bawah tadbir urus Hospital Al-Sultan Abdullah, terdapat Pusat Pakar Perubatan UiTM (PPUiTM) Selayang dan Pusat Pakar Perubatan UiTM (PPUiTM) Sungai Buloh yang telah beroperasi sedekad yang lalu.

UNTUK KEGUNAAN  
HOSPITAL SAHAJA

NORHANIZAN



*Magnetic  
Resonance  
Imaging (MRI)*



*Cardiac  
Catheterization  
Lab (Cathlab)*



*Rehabilitation  
Pool Therapy*



*Emergency  
Department  
Isolation Tent*






*Computed Tomography (CT Scan)*



*Mesin Defibrillator*



*Rehabilitation Gym*



*Coronavirus Mobile Test Unit*








## PENYERAHAN HOSPITAL UiTM

Majlis Penyerahan Hospital UiTM telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi pada 23 Mac 2021 dengan penyerahan model kunci sebagai simbolik daripada syarikat konsesi TRIpIc Medical Sdn. Bhd. kepada KPT dan UiTM.



## OPERASI KLINIK PAKAR

Pada 5 April 2021, Hospital UiTM melakar sejarah apabila mula beroperasi dan menyediakan perkhidmatan kepada warga secara berperingkat yang melibatkan antaranya Klinik Pakar Perubatan, Klinik Pakar Wanita & Kanak-kanak, Klinik Pakar Pembedahan & Ortopedik dan Klinik Pakar Psikiatri. Perkhidmatan yang ditawarkan khusus kepada pesakit yang membuat pemeriksaan atau rawatan ulangan dan pesakit yang mempunyai janji temu sahaja.







## PEMBUKAAN WAD BAGI PESAKIT KATEGORI NON-COVID

Hospital UiTM secara berperingkat telah mula membuka wad dan menerima pesakit kategori non-COVID iaitu pesakit dalam yang dipindahkan dari Pusat Pakar Perubatan UiTM (PPUiTM) Sungai Buloh. Pembukaan wad ini pada 24 Mei 2021 secara tidak langsung dapat membantu pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menampung pesakit dalam situasi kebanyakan hospital KKM yang telah dijadikan hospital khas bagi menempatkan pesakit COVID-19.





## BILANGAN STAF

- Pensyarah Perubatan Pakar - 251 orang
- Pegawai Perubatan Pakar - 2 orang
- Pegawai Perubatan - 101 orang
- Jururawat - 586 orang
- Staf Klinikal (tidak termasuk Pegawai Perubatan & Jururawat) - 434 orang
- Staf Pentadbiran - 302 orang

## BILANGAN PELAJAR PERUBATAN

- Tahun 1: 257
- Tahun 2: 217
- Tahun 3: 218
- Tahun 4: 223
- Tahun 5: 207
- Supp Tahun 5: 18

\*Supp: Pelajar ulang semester (Data pelajar semasa)



Berteraskan visi untuk menjadi sebuah Hospital Premier di rantau Asia Tenggara dengan ciri dan reka bentuk yang tersendiri, berketerampilan dan mampan, Hospital Al-Sultan Abdullah ini dilengkapi dengan fasiliti 400 buah katil di samping bangunan akademik dan perubatan untuk kapasiti 750 orang pelajar. Hospital Al-Sultan Abdullah turut menyediakan bangunan penginapan untuk doktor pelatih dan jururawat, surau, balai pengawal, dewan kuliah serta bangunan ansilari yang menempatkan *chiller* dan pencawang elektrik.

- 400 katil (jumlah keseluruhan)
- 141 katil (digunakan buat masa ini)

**KAPASITI KATIL / PESAKIT**



Hospital Al-Sultan Abdullah menjadi mercu tanda baharu UiTM. Hospital ini menawarkan perkhidmatan perubatan dan penjagaan kesihatan untuk warga Selangor khususnya penduduk di utara Lembah Klang. Hospital ini dilengkapi dengan pelbagai kepakaran dan subkepakaran berteknologi tinggi yang menawarkan perkhidmatan perubatan yang moden dan canggih untuk pesakit. Antara perkhidmatan yang bakal disediakan ialah rawatan kecemasan, trauma dan kritikal, perubatan dalaman, kardiologi, pembedahan am, plastik dan rekonstruksi, serta kardiotorasik, ortopedik, rawatan untuk ibu hamil, bayi, remaja dan orang dewasa serta perubatan onkologi, geriatrik, forensik, kesihatan mental, rehabilitasi serta dialisis.

Hospital Al-Sultan Abdullah menggunakan sistem UniMEDS (Sistem Informasi Kesihatan) iaitu sistem maklumat bersepadu yang mampu mengawal selia perkhidmatan utama hospital khususnya dalam hal berkaitan perubatan, kewangan, pemprosesan perkhidmatan, pentadbiran dan undang-undang (yang berkaitan). Sistem yang dibangunkan secara dalaman (*in-house*) menggunakan kepakaran kakitangan di Jabatan Infostruktur ini membolehkan capaian maklumat pesakit dilakukan secara efisien, komprehensif, mesra pengguna serta mempunyai ciri modular dan boleh dikembangkan untuk menampung perubahan pantas dalam persekitaran rekod perubatan elektronik. Hospital Al-Sultan Abdullah kini mengorak langkah menjadi sebuah *Premier Teaching Hospital* dan memangkin pembangunan *Medical City* bagi kawasan utara Selangor. Aspirasi ini bakal menterjemahkan idea dan inovasi kepada produk, proses dan perkhidmatan baru yang mampu meningkatkan impak kepada ekonomi secara berpanjangan dan memberi manfaat kepada komuniti sedunia.



**PERKHIDMATAN KLINIKAL  
YANG DITAWARKAN**





# Klinik Pakar - Perubatan

## Specialist Clinics - Medical

### ❁ Perubatan Am

- Gastroenterologi
- Respiratori
- Dermatologi
- Endokrinologi
- Reumatologi
- Penyakit Berjangkit

- Paliatif
- Geriatrik
- Neurologi
- Hematologi
- Onkologi
- Rawatan Rapi

### ❁ Nefrologi

### ❁ Kardiologi

### ❁ Perubatan Pemulihan / Rehabilitasi

### ❁ Radiologi

### ❁ Psikiatri

### ❁ Perubatan Kesihatan Primer

### ❁ Perubatan Kesihatan Awam

### ❁ Pembedahan Am

### ❁ Pembedahan Kardiovaskular & Torasik

### ❁ Pembedahan Plastik

### ❁ Anestesiologi

### ❁ Oftalmologi

### ❁ Perubatan Kecemasan

### ❁ Otorinolaringologi

### ❁ Ortopedik & Traumatologi

### ❁ Obstetrik & Ginekologi (O&G)

### ❁ Pediatrik

### ❁ Makmal Diagnostik Klinikal

### ❁ Forensik

### ❁ Rawatan Harian

### ❁ Pergigian

### ❁ Pencegahan Dan Kawalan Jangkitan





## FAKTA MENARIK

**23 Mac 2021:**

Majlis Penyerahan Hospital UiTM disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi



**24 Mei 2021:**  
Pembukaan wad

**Klinik Pakar - Wanita & Kanak-Kanak**  
**Specialist Clinics - Women & Child**



**13 September 2021:**  
Pembukaan Kompleks Dewan Bedah Hospital UiTM

**05 April 2021:**

Hospital UiTM memulakan operasi secara berperingkat dengan pembukaan perkhidmatan di klinik-klinik pakar



**03 November 2021:**

Pembukaan secara rasmi perkhidmatan bersalin di Hospital UiTM. Tarikh ini juga mencatat sejarah tersendiri apabila Dewan Bersalin menerima kelahiran bayi yang pertama seawal jam 3.42 pagi dan bayi kedua pada jam 1.29 petang. Kedua-dua bayi perempuan ini selamat dahirkan secara normal. Detik bersejarah ini cukup menggembirakan bagi pasangan Encik Mohd Hairol Rafee Dol Basir & Puan Ismahani





**28 Jun 2022** mencatat sejarah tersendiri buat Hospital UiTM apabila berjaya melakukan pembedahan pemindahan buah pinggang yang pertama sejak hospital ini mula beroperasi pada April 2021. Pembedahan ini dijayakan dengan kolaborasi antara pasukan pakar bedah Hospital UiTM dan Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) yang telah diselaraskan oleh Dr. Muhammad Iqbal Abdul Hafidz (Pakar Nefrologi, Hospital UiTM).

Pasukan pakar bedah Hospital UiTM terdiri daripada Prof. Madya Dr. Ahmad Ramzi Yusoff dan Dr. Nora Juliana Osman manakala Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) diwakili Prof. Azad Hassan Abdul Razack (ketua), Prof. Norman Dublin, Prof. Shanggar Kuppusamy, Dr. Ahmad Nazran Fardzli dan Dr. Muhammad Fairuzshah Abd. Karim.

Sesi pembedahan yang memakan masa hampir 7 jam itu dimulakan seawal jam 9.45 pagi (pembedahan ke atas penderma) dan pembedahan ke atas penerima organ bermula jam 11.00 pagi. Penderma buah pinggang, lelaki berusia 25 tahun adalah merupakan adik kepada penerima, wanita berusia 33 tahun. Pembedahan dilakukan ekoran buah pinggang pesakit mengalami kerosakan dan gagal berfungsi dengan sempurna. Sesi pembedahan berjaya diselesaikan sekitar jam 4.30 petang.

Untuk rekod, pembedahan pemindahan buah pinggang dengan kolaborasi PPUM pernah dijayakan sebelum ini di Pusat Pakar Perubatan UiTM Sungai Buloh. Semoga kolaborasi ini berterusan dan Hospital UiTM mampu menjadi salah sebuah pusat pembedahan pemindahan buah pinggang terkemuka di Malaysia.

Hospital UiTM sebagai Hospital Pengajar Universiti (HPU) di sebuah universiti awam terbesar dalam negara komited untuk memberi perkhidmatan yang berkualiti tinggi, komprehensif dan bertaraf global. Ucapan syabas dan tahniah buat pasukan serta semua pihak yang terlibat.








## JUMLAH PESAKIT



22,404

Pesakit berdaftar



56,042

Pesakit luar  
(janji temu klinik)



4,738

Pesakit wad

(Data Sehingga Jun 2022)



# MENJUNJUNG KASIH



Sempena Keberangkatan

**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang  
di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa  
Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in  
Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda  
Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah  
Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan  
Iskandar Al-Haj**

ke Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM

# MENJUNJUNG KASIH



Sempena Keberangkatan

**Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor  
Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum  
Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj dan  
Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor  
Tengku Permaisuri Norashikin**

ke Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM



# NAIB CANSELOR



merakamkan ucapan  
setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih  
kepada pihak **Istana Negara, Istana Selangor, Kerajaan  
Negeri Selangor, Kementerian Kewangan, Kementerian  
Pengajian Tinggi** dan **Kementerian Kesihatan Malaysia**  
dan semua yang terlibat dalam menjayakan  
Majlis Perasmian Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM ini





# JAWATANKUASA MAJLIS PERASMIAN HOSPITAL AL-SULTAN ABDULLAH UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

## JAWATANKUASA INDUK

### Penasihat

YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor  
*Naib Canselor*

### Penasihat II

YBhg. Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Mohd Fozi Ali  
*Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)*

Prof. Dr. Ahmad Sazali Hamzah  
*Rektor UiTM Cawangan Selangor*

### Pengerusi

Prof. Dr. Sazzli Shahlan Kasim  
*Pengarah Hospital Al-Sultan Abdullah*

### Pengarah Projek

YBhg. Prof. Madya Datin Dr. Norazida Mohamed  
*Pengarah Kanan Jabatan Komunikasi*

### Bendahari

Puan Noor Alzura Alang Idris  
*Timbalan Pengarah (Kewangan), Hospital Al-Sultan Abdullah*

### Setiausaha I

Puan Haznur Abd. Latif  
*Pegawai Perancangan Bandar, PPII*

### Setiausaha II

Encik Mohd Hafidz Ab Satar @ Ahmad Sabri  
*Penolong Pendaftar, Hospital Al-Sultan Abdullah*

## JAWATANKUASA KERJA

### Pengurus Acara

Puan Alfina Bakar K.M.N.

### Pengurus Lantai

Encik Norhilman Nordin

### Pengurus Pentas

Encik Mohd Rizal Noordin  
Encik Wan Saufi Irfaan W. Zamri  
Encik Muhammad Syurahbil Zulkarnain

### Hal Ehwal Korporat & Protokol

Puan Hanisah Yacob  
Cik Izmawati Sodding  
Puan Nur Idune Hayana Che Mohamed  
Puan Annisaa Ishak  
Puan Nor Isma Saleha Muda

### Jemputan & Pendaftaran

Puan Rozalina Rokli  
Encik Muhammad Aidil Azmie  
Puan Nur Liyana Malizen  
Puan Nurul Atirah Shahardin  
Puan Afifah Mad Yasin  
Puan Rohayu Ithnin  
Puan Nur Natasha Aliea Rosli  
Encik Noor Azhar Md Saad  
Encik Adam Zakaria  
Encik Mohd Hafiz Anuar



### **Liaison & Sambutan**

Encik Wan Ahmad Rahiman Wan Abd Rahim  
Puan Salina Yusoff  
Encik Salifairus Mohammad Jafar  
Puan Hanisah Yacob  
Puan Shahrul Aina Hj Omar  
Puan Noor Shareena Aman  
Puan Juhaida Abd Aziz  
Puan Hazira Ahmad  
Puan Norhafida Hassan  
Puan Azniza Mohamad Nor  
Puan Wan Zaimah Ismail  
Encik Che Mohd Fardaus Mustapha  
Encik Ahmad Hafsham Mat Rani  
Encik Sazwan Shamsuddin  
Encik Mohd Suhaizal Suffian Nory  
Puan Khazreen Kamalludin  
Puan Ainul Fadzilah Harun  
Puan Norhaslina Abd Muttalib  
Encik Mohd Nor Hisham Yusof @ Ibrahim  
Encik Roslimi Ariffin  
Encik Azanizam Ismail

### **Media & Seranta**

Ts. Azroz Mohd  
Prof. Madya Dr. Mohd Syuhaidi Abu Bakar  
Encik Wan Mohd Lutfi Hakim Wan Sulieman

### **Promosi & Hebahan Media Sosial**

Ts. Dr. Hayati Abd Rahman  
Encik Mohd Zairul Masron

### **Jamuan & Hospitaliti**

Encik Wan Ahmad Nasroun Wan Salman  
Encik Mohd Shahzilamri Seman  
Encik Mohd Syahril Salwey  
Encik Saiful Zamri Jamaluddin  
Puan Nadia Mukharan @ Mohar  
Puan Nurul Huda Mustapha  
Puan Nurshafika Sulor  
Puan Siti Nur' Amira Zul'Aziki  
Encik Faris Fauzan Khirizam  
Encik Nurzaima Fateha Zafri  
Puan Nurfazirra Jaafar  
Puan Nurhazirah Roslan  
Encik Nor Azri Zahazmi  
Puan Nur Nadiah Mohamad Rosdi  
Puan Mohd Amizie Rahim  
Puan Nurnadia Albana  
Puan Intan Nur Qamarina Roslee  
Puan Naziah Noor Ahmad

### **Persembahan Alunan Nadi Kehidupan**

Prof. Madya Aminah Abd. Rapor  
Encik Hamzah Mohamed Tahir  
Encik Amandus Paul Panan  
Encik Khairul Anuar Zainudin  
Encik Nur Afifi Mohamed Taib  
Encik Mohd Kamil Zulkepli

### **Penyediaan Video**

Encik Norhilman Nordin  
Dr. Liyana Dhamirah Aminudin  
Encik Mohd Hafidz Ab Satar @ Ahmad Sabri  
Puan Nurul Shafika Md. Idros  
Encik Zaidi Farid Fauzi  
Encik Che Mohd Khairul Azizi Che Mohd Bakri

### **Penerbitan & Dokumentasi**

Ts. Dr. Hayati Abd Rahman  
Puan Aida Ahmad Saipiuddin  
Encik Azhar Abd Wahab  
Cik Syaza Marina Ramli  
Puan Mazura Anuar

### **Pengurusan Jenama & Pereka Grafik**

Encik Muhammad Akmal Ridzuan Abd Rahim  
Encik Mohd Noralis Mohd Sharif  
Encik Mohd Nor Firdaus Mohd Isa  
Encik Junaidy Talib  
Encik Mohd Khairulnizam Yaakub

### **Rakaman MCP**

Encik Muhammad Irsyad Mohd Ramzan  
Encik Azrul Hayqal Anuar  
Encik Shafinas Shahidin  
Encik Rolpaizal Ghazali  
Encik Hamnizar Zulkapli  
Encik Muhammad Nazry Kamarudin  
Encik Muhamad Fairuz Ali Rahman  
Encik Mohd Hanif Mohd Hanafiah  
Encik Mohd Rohaizad Mohd Bakiri  
Encik Umair Dzul Bahak  
Encik Mohd Khaizir Kamarun  
Encik Anuar Bahari

### **Muzik & Persembahan**

Prof. Dr. Tazul Izan Tajuddin  
Encik Radzali Mustaffa

### **Teks Ucapan**

Puan Nurul Afnieza Md Zain



### **Cenderamata**

Encik Khairul Zikri Abdullah  
Encik Mohd Hafidz Ab Satar  
Puan Amirah Maisarah Khzian  
Puan Nor Hazirah Ismat  
Puan Husna Hamimi Khairi  
Puan Rofisah Ramli  
Puan Nur Afiqah Osman  
Puan Iszraa Suhaidah Jaiman  
Puan Siti Aminah Osman  
Puan Haziqah Mohd Rosli  
Puan Nabilah Azman  
Puan Syaza Najwa Khairudin  
Puan Nurul Syuriani Kamalun Baharin  
Puan Siti Nazirah Nasir  
Puan Nur Syahirah Sanusi  
Puan Nurhidayah Yakob

### **Pameran**

Dr. Rose Dahlina Rusli  
Encik Mohamad Rahmat Jamaludin  
Dr. Nur Faizah Ali  
Dr. Siti Aisyah Nizar  
Dr. Nabilla Husna Mad Hashim  
Puan Wan Rohani Wan Chin

### **Keselamatan & Lalu Lintas**

DSP/PB Marzuki Ab Rashid  
ASP/PB Khairul Azman Abu Bakar

### **Teknikal & Infrastruktur**

Cik Saliza Abdul Kadir  
YBhg. Dato' Jamaludin Buyong  
Encik Mohd Saad Mood Soom  
Encik Mohd Hairul Haron  
Encik Khairil Izwan Mohd Daim  
Cik Nurul Syahiddatina Mohd Ali  
Puan Siti Nor Laila Rameli  
Ts. Mohd Megat Firdaus Mohd Megat Mahaiyiddin  
Encik Wan Mohamad Azri Wan Mohd Rais  
Cik Siti Suhaila Md Jopri  
Encik Mohd Faizol Mohtar Mohd

### **Logistik**

Encik Khairul Anuar Hj. A.Rahim  
Encik Hasni Hussin

### **Tugas-tugas Khas**

Prof. Madya Ahmad Izzuanudin Ismail  
Dr. Masri Muhamed  
Encik Mohd Yusof Mustaffa  
Encik Mohammad Syazwan Mohd

### **Papan Tanda Hospital**

Encik Zahiruddin Jaidir  
Puan Haznur Abd. Latif

### **Pengacara Majlis**

Encik Syahrudin Hanib  
Mohd Ku Sharom B Khamis  
Mohd Shafiq Al-Azan Sammaludin

### **Pembaca Doa**

Ustaz Faizan Tajuid  
Ustaz Mohd Nazril Saad

### **Fotografi**

Encik Roslan Daud  
Encik Shamsul Hidayat Omar  
Puan Nurul Shafika Md Idros

### **Sekretariat**

Dr. Wan Ismahanini Ismail  
Cik Adlin Na'qjah Sabar @ Sabal  
Puan Adilla Hayati Mohd Satali  
Puan Umi Kazura Zakaria  
Puan Aishah Azman  
Puan Siti Haslinda Abdul Halim  
Puan Manurul Asikin Hj Tukiran  
Puan Asura Rahman  
Puan Nor Haizah Mokhtar  
Puan Norlehayati Rahmat  
Puan Noor Azimah Surattem  
Puan Nurul Nadia Mohd Din



# DAULAT TUANKU

MAJLIS PERASMIAN

## HOSPITAL AL-SULTAN ABDULLAH Universiti Teknologi MARA

oleh

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG  
AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN  
AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI ALMARHUM  
SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH**

D.K.P., D.K.M., D.K., D.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., D.K.(TERENGGANU), D.K.(JOHOR),  
S.P.M.J., D.K.M.B.(BRUNE), D.K.(KEDAH), D.K.(PERLIS), D.K.(PERAK), D.K.(SELANGOR)

23 Julai 2022 | 23 Zulhijah 1443H





## HOSPITAL AL-SULTAN ABDULLAH

Universiti Teknologi MARA

Sebagai sebuah universiti awam terbesar dalam negara, UiTM bukan sahaja menyediakan pendidikan tinggi bertaraf dunia kepada anak bangsa malah menawarkan perkhidmatan rawatan dan kesihatan kepada masyarakat melalui pewujudan Hospital Al-Sultan Abdullah. Di bawah tadbir urus Hospital Al-Sultan Abdullah, terdapat Pusat Pakar Perubatan UiTM (PPUiTM) Selayang dan Pusat Pakar Perubatan UiTM (PPUiTM) Sungai Buloh yang telah beroperasi sedekad yang lalu.

ISBN 978-967-363-827-7



Konsep, Idea & Terbitan

Jabatan Komunikasi, Universiti Teknologi MARA

